

Kerajaan beri RM300,000 biyai produk Qamus Digital

Kosmo!

30 Mac 2017 | Khamis

  **your DR hom**
6 April 2017

Laman Utama | **Negarai** | Hiburan | Sukan | Duniat | Kosmo2 | Arkib Beri

TERKINI

Kerajaan beri RM300,000 biyai produk Qamus Digital

Iklan ditutup oleh Google

[Hentikan iklan ini](#) [Iklan-Iklan oleh Google](#)

30/03/2017 3:48pm

NURBURAYA ZULKIFLI



Abu Bakar merasmikan Majlis Penyerahan Qamus Digital di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampung Gelam hari ini.

MELAKA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memperuntukkan sebanyak RM300,000 bagi membiayai produk Qamus Digital iaitu projek perintis komuniti di bawah inisiatif program Inovasi Sosial Mosti (MSI) 2016.

Timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, produk inovatif itu merangkumi diri-ori pialaian antarabangsa dengan gabungan infrastruktur terkini yang mampu meningkatkan kualiti pembelajaran dalam sistem pendidikan.

Menurutnya, projek tersebut dibangunkan oleh MyView System Sdn. Bhd. dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Alor Gajah manakala penyedia teknologinya ialah Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd (TPM).

"Dengan perisian mesra pengguna, Qamus Digital menawarkan perpustakaan menyeluruh meliputi daripada 600,000 penyelesaian perkataan dari lebih 20 kamus dan disampaikan dalam 21 bahasa," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penyerahan Qamus Digital di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampung Gelam, di sini, hari ini. - K! ONLINE